

Pelayanan

Memperhatikan Penjaga



**WAWASAN
PENABUR**

Pelayanan Memperhatikan Penjaga

Satu Perspektif Bagi Menjaga Penjaga

Tajuk	: Pelayanan Memperhatikan Penjaga
Penulis	: Dr Lee Bee Teik Caring For Carers ©1996
Penterjemah	: Christopher Nambayan
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr Lee Bee Teik (MBBS, Monash University) adalah seorang doktor perubatan terlatih sebelum mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjayanya untuk menjadi seorang suri rumah penuh masa. Beliau adalah isteri kepada Rev Dr Hwa Yung, Bishop Emeritus Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan beliau telah menulis banyak buku tentang doa serta isu-isu yang dihadapi oleh manusia. Beliau mengasaskan Reconre Ministries, sebuah pelayanan yang melayani hamba-hamba Tuhan penuh masa melalui pelayanan kaunseling dan retreat.

Hakcipta © 2013 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

Pelayanan Memperhatikan Penjaga

Satu Perspektif Bagi Menjaga Penjaga

Hendaklah kamu saling menolong memikul beban. Dengan cara demikian kamu akan mentaati perintah Kristus. Jika seseorang menyangka dirinya penting, padahal tidak, orang itu menipu dirinya sendiri.

Tiap-tiap orang harus memeriksa kelakuannya sendiri, sama ada baik atau tidak.

Jika baik, dia boleh berbangga dengan hal itu. Tetapi dia tidak perlu membandingkan apa yang dilakukannya dengan apa yang dilakukan orang lain, kerana tiap-tiap orang harus memikul tanggungjawab masing-masing.

(Galatia 6:2-5)

Buku ini ditulis khusus untuk sekumpulan orang yang amat menyayangi keluarga mereka dan umat Tuhan yang lain. Buku ini ditulis hasil daripada pembelajaran dan perkongsian pengalaman hidup dari peluang-peluang yang diberikan oleh Tuhan untuk mereka yang menjaga orang-orang tersayang dalam hidup mereka. Tidak dapat dinafikan segala pengalaman menjaga orang-orang tersayang kita, sama ada yang

2 Siri Kaunseling Pastoral

manis ataupun pahit, telah mendekatkan lagi kita kepada Allah untuk lebih mengenal Dia.

Perjalanan bersama-sama rakan seperjuangan yang lain ini amat saya hargai kerana mereka juga sangat memahami erti penderitaan dan segala pancaroba hidup; namun mereka tetap setia bersama-sama orang yang tersayang, dengan berbekalkan rahmat kurnia Allah. Kebanyakan penjaga ini serupa dengan anda dan saya – orang dewasa yang mempunyai tanggungjawab untuk menjaga saudara-mara yang memerlukan penjagaan jangka masa panjang di rumah mereka kerana kehilangan upaya fizikal, mental dan/atau emosi.

Penjaga yang lain pula lebih merupakan mereka yang telah mengambil keputusan untuk menjadi penjaga kepada orang lain demi pelayanan dalam kerajaan Allah. Golongan ini termasuklah para pastor dan pekerja gereja sepenuh masa yang setia, pekerja-pekerja sosial dan pekerja Kristian antara denominasi. Mereka menjangkau dan menghulurkan bantuan penjagaan ke atas domba-domba Tuhan demi rasa bersyukur kepada Allah yang maha pengasih dan mengasihani, yang terlebih dahulu telah mengasihi dan menjaga mereka.

Akan tetapi, apabila tanggungjawab untuk menjaga ahli keluarga yang memerlukan itu bertambah dan berpanjangan, maka para penjaga ini juga memerlukan pengertian dan sokongan daripada ahli-ahli gereja setempat, kerana mereka tidak boleh mengetepikan para domba dalam jagaan mereka hanya kerana mereka perlu menjaga ahli-ahli keluarga mereka yang memerlukan.

Mereka amat memerlukan bantuan kita untuk menangani keperitan menjaga seseorang secara intensif agar mereka tidak dilanda rasa bersalah yang tidak wajar. Ibarat kata pepatah berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Mereka yang telah dipanggil oleh Tuhan untuk melayani dalam pelayanan perdamaian Kristus ini juga adalah manusia seperti kita. Mereka juga perlu berehat, dipulihkan dan disegarkan semula oleh penjagaan lembut Tuhan.



Cabaran Hidup

Kebanyakan pasangan memulakan perjalanan hidup berumah tangga dengan romantik. Mereka mengharapkan akan mendapat satu kehidupan berkeluarga yang normal selepas kelahiran anak (anak-anak) mereka. Malangnya, tiba-tiba berlaku satu krisis yang mengubah wajah suasana keluarga. Tidak kira yang bujang ataupun yang telah berumah tangga, semuanya mendapat lampias kesan daripada perubahan tersebut. Tekanan hidup mula melanda setiap orang. Ada yang mula kehilangan pertimbangan apabila emosi mereka terganggu. Yang lain pula menangis sendirian di tengah-tengah kegelapan, dibelenggu oleh rasa hiba dan ketakutan. Ramai yang mula berasa bingung tetapi tetap cuba bertahan dalam menjalani kehidupan seharian yang serba mendesak. Mereka mula mengalami kelesuan emosi, peningkatan stres serta tekanan perasaan.

Malahan anak Tuhan yang paling kuat dan cekal sekali

pun akan berasa hidupnya sudah terasa terkena dinding. Mereka berasa seolah-olah keseorangan dan menangis serta berteriak dalam senyap, “Ya Tuhan, di manakah Engkau? Mengapakah semua ini berlaku ke atas diri saya? Apa salah silap saya sehinggakan saya harus menghadapi semua ini? Kenapa begitu banyak percubaan dalam hidup ini sehingga saya harus menderita begini?”



Respon Kita Terhadap Stres

Stres ialah keadaan resah, cemas, tegang dan sebagainya akibat tekanan mental atau fizikal. (Rujuk buku *Memahami Kelesuan Emosi dan Pengurusan Stress* dalam Siri Kaunseling oleh penulis yang sama) Kita mungkin akan memberi respon secara negatif atau positif terhadap stres. Tetapi matlamat kita adalah untuk mencari sudut pandangan yang positif terhadap sesuatu perkara yang kita hadapi.

1 Stres Bererti Perubahan

Kita sedia maklum bahawa perubahan adalah sebahagian daripada kehidupan kita. Kita mungkin tidak dapat melihat kehidupan kita sebagai satu siri perubahan walaupun setiap keputusan yang kita buat melibatkan perubahan. Apabila sesuatu perubahan terjadi dalam kehidupan rutin kita, otak dan tubuh kita akan bertindak balas dengan tuntutan daripada perubahan tersebut. Stres/tekanan wujud apabila kita berhadapan dengan permintaan yang mengatasi

keterbatasan atau kekurangan sumber yang kita miliki; sama ada sumber tersebut berbentuk rohani, mental, emosi, sosial dan/atau fizikal.

Stres/tekanan yang normal timbul daripada peringkat hidup kita yang berlainan di muka bumi ini (Untuk keterangan lanjut tentang peringkat-peringkat kehidupan manusia, rujuk buku *Lapan Peringkat Kehidupan Manusia* dalam Siri Kaunseling oleh penulis yang sama):

- a. Kitaran hidup peribadi – bermula dari janin di dalam kandungan, kelahiran, kehidupan sebagai bayi, zaman kanak-kanak, remaja, dewasa (belia, pertengahan umur, usia tua)
- b. Kitaran hidup berkeluarga – masa bercinta, berkahwin, kehidupan perkahwinan sebelum kedatangan anak, kehadiran anak-anak (kehidupan semasa mereka masih kecil, meningkat remaja dan menjadi dewasa) dan setelah anak-anak meninggalkan rumah untuk menjadi orang dewasa yang berdikari

Stres/tekanan tambahan timbul akibat peristiwa-peristiwa yang tidak terduga seperti:

- a. Perubahan dalam karier/pekerjaan (contohnya kehilangan pekerjaan, pelucutan jawatan, persaingan dalam tempat kerja)
- b. Keuzuran (tenat atau kronik)
- c. Konflik dengan orang lain (contohnya antara suami isteri, dengan anak-anak, mertua, ahli gereja, rakan sekerja)
- d. Gagal dalam peperiksaan atau menghadapi satu krisis kewangan

- e. Kemurungan rohani (contohnya, sedang menghadapi kekelaman kerohanian atau mencari-cari jawapan kepada sesuatu krisis)

Apabila seseorang itu mengalami beberapa tekanan dengan tidak putus-putus pada satu-satu masa, orang itu akan menghadapi kesukaran untuk menanganinya terutama sekali apabila tidak ada sokongan dari luar.


Saya masih ingat semasa saya mengalami stres yang amat berat pada suatu ketika dulu. Pada masa itu, saya harus menjaga ibu saya yang hilang upaya kerana uzur, menjaga anak kami yang masih bayi, dan pada masa yang sama saya harus memberi sokongan moral kepada suami saya yang bekerja melayani Tuhan sepenuh masa, di samping menghadapi pelbagai tuduhan palsu daripada orang-orang yang saya percayai serta tekanan-tekanan dari umat gereja yang lain. Tidak cukup dengan itu, anak sulung kami jatuh sakit tenat sebaik saja anak kedua kami lahir.

Belum sempat saya pulih daripada satu masalah, muncul pula satu masalah baru yang lain! Bagaimanakah Tuhan membantu saya sewaktu saya mengharung tahun-tahun yang penuh dengan cabaran itu? Dia memberikan orang-orang yang menyayangi keluarga saya. Kami dikelilingi oleh orang-orang yang betul-betul memperhatikan kami sekeluarga. Sokongan penuh kasih sayang daripada teman-teman segereja yang baik membantu kami mengharungi tahun-tahun yang mencabar itu dan telah menyelamatkan saya daripada mengalami tekanan jiwa.

Kemudian, dua orang sahabat karib saya membunuh diri. Dalam satu kes tersebut, saya menyalahkan diri saya selama beberapa bulan sehinggalah doa-doa syafaat setia daripada anak-anak Tuhan yang lain menyelamatkan saya daripada lembah ketakutan dan jerat rasa bersalah yang tidak wajar. Sekali lagi, Allah menghantar teman-teman untuk berdoa dan menerima kami, bukan untuk mengecam kami. Saya mengambil masa bertahun-tahun sebelum saya berani mencuba sesuatu yang membina di luar lingkungan rumah saya!

Pembelajaran Yang Didapati

Tanggapan kita terhadap sesuatu hakikat dan masalah akan menentukan cara kita menangani stres yang kian menekan. Sesetengah orang berupaya melihat hanya sisi yang baik di dalam kekelaman masalah; sementara sesetengah lagi hanya dapat melihat sisi buruk di dalam saat-saat yang manis.




Sebagaimana ungkapan yang sering diucapkan, terpujanglah kepada kita sama ada kita melihat gelas yang setengah penuh atau gelas yang setengah kosong. Tetapi Allah Sang Penciptalah yang tetap berkuasa mengawal keadaan walaupun semua di sekeliling kita mulai runtuh satu per satu.

2 Respon Negatif Terhadap Stres Dan Bagaimana Cara Menangganya

- a. Kita terus terjunam ke lembah kemurungan yang membawa kepada angin emosi yang tidak baik. Seseorang itu hanya mampu menangani sesuatu masalah dalam sesuatu masa yang tertentu. Jadi, untuk melindungi diri kita daripada terus terlibat dengan orang lain, kita mungkin perlu menjauhkan diri daripada mereka. Ini adalah kerana pembatasan kemampuan dan tindak balas semula jadi kita sebagai manusia. Sekiranya kemurungan itu hanya untuk satu jangka pendek, maka kita akan dapat mengatasi keadaan tersebut dan tidak lama kemudian, kita dapat merenung, memikirkan dan membuat perancangan untuk masa depan. Tetapi jika kemurungan itu berpanjangan sehingga berbulan-bulan, maka kita perlu mendapatkan bantuan dari luar untuk mengatasi keadaan tersebut, sama ada daripada doktor, pastor, kaunselor, rakan-rakan atau pun saudara mara yang memahami.
- b. Kita menyalahkan orang lain dan enggan menilai masalah tersebut secara objektif. Kita harus bertanya pada diri sendiri, *“Sebesar mana ketegangan yang saya alami itu adalah disebabkan oleh masalah tersebut? Dan sejauh mana tekanan tersebut timbul akibat daripada reaksi peribadi saya sendiri?”*



Satu Rekomendasi Respon Yang Positif



Baca petikan ayat tersebut sekali lagi. Kita dapat melihat Yesus sendiri menghadapi satu keadaan yang sukar, satu saat yang paling dahsyat dalam hidup-Nya.

Tatkala kita menghadapi masalah, orang yang paling berupaya membantu kita adalah orang yang pernah mengalami keadaan yang serupa di dalam hidupnya. Yesus, Anak Allah, adalah orangnya. Dialah satu-satunya insan yang telah mengalami keadaan yang paling buruk di dalam sejarah kehidupan manusia di bumi ini. Dia menjelma menjadi manusia supaya Dia dapat menjadi Penuntun, Pelindung dan Penyelamat kita. Dia sendiri telah sampai ke neraka untuk kita, dan Dia telah bangkit mengalahkan maut untuk kita. Yesus mahu menolong kita. Yesus mahu berbicara dengan kita dan menunjukkan kepada kita cara-cara untuk menghadapi segala cabaran ketika kita menjaga orang-orang yang tersayang.

10 Siri Kaunseling Pastoral

Dalam tempoh 20 tahun yang lepas, Tuhan inilah yang telah beberapa kali menyahut seruan saya untuk meminta pertolongan, terutama sekali dalam tempoh tahun-tahun 1983-1991. Tuhan telah membantu saya sama ada secara langsung ataupun menerusi orang-orang lain di sekeliling saya. Pernah sekali, setelah jiwa saya kelesuan dirundung kegelisahan, kebingungan dan rasa bersalah atas penyakit anak saya (dan pada masa yang sama saya menjaga bayi perempuan kami), Yesus menghibur saya dengan satu siri gambar menerusi penglihatan iman:




Saya melihat Yesus duduk di bawah sepohon pokok dengan kedua-dua orang anak saya di riba-Nya. Dengan lembut Yesus berkata kepada saya, "Ibu, kamu boleh pergi sekarang. Saya akan menjaga mereka." Sebagai seorang ibu, saya berasa lega dan mula beredar dari situ. Anak sulung saya melambai-lambaikan tangannya dan berkata, "Ya, Ibu, kami akan selamat. Ibu boleh pergi sekarang. Yesus akan menjaga kami."

Apabila penglihatan itu berakhir, dengan segera rasa bersalah kerana tidak dapat menjaga anak saya yang sakit itu hilang. Saya dapat merasa beban berat untuk melindunginya terangkat dari bahu saya! Sungguh ajaib sekali kerana saya mula sedar bahawa Allah sebenarnya telah mengambil alih semua tanggungjawab untuk melindungi kesihatan dan nyawa anak sulung saya. Saya


mula berasa tenang dan berupaya menikmati kehidupan semula walaupun saya masih lagi menjaga anak-anak saya secara fizikal. Tahun-tahun yang penuh dengan cabaran kronik dalam menjaga dan memperhatikan orang lain serta keluarga saya itu telah memakan usia saya. Saya kelihatan begitu lesu dan tidak terurus sehingga kawan-kawan saya juga tidak mengenali diri saya.

Firman Tuhan akan membantu kita untuk terus berpaut dan bersandar kepada Tuhan. Bicaralah dengan Tuhan tentang masalah dan kesulitan yang anda hadapi, sesuai dengan Firman-Nya:



Bagaimana Kita Dapat Bermula Atau Terus Menerima Kebaikan-Nya?

1. **Mintalah anugerah kebijaksanaan** daripada Allah apabila anda merasa binggung dalam mengambil sesuatu keputusan. Tunggulah Dia untuk berbicara atau menunjukkan anda bagaimana untuk mara ke hadapan.



*“Jika ada sesiapa antara kamu kurang bijaksana, hendaklah dia berdoa kepada Allah supaya Allah memberikan kebijaksanaan kepadanya; kerana Allah memberikan dengan murah hati dan dengan sukacita kepada setiap orang.”
(Yakobus 1:5)*

2. **Berdoalah** untuk:

“Kedamaian untuk menerima hal-hal yang tidak dapat aku ubah; keberanian untuk mengubah hal-hal yang dapat kuubah; dan kebijaksanaan untuk mengetahui perbezaannya.”

Adaptasi Doa Kedamaian yang ditulis oleh ahli teologi yang bernama Reinhold Niebuhr.

3. Pada masa yang sama, **terimalah bantuan dari luar** agar anda dapat:
- Meluangkan masa untuk **diri anda sendiri**. Contohnya bersenam, bersiar-siar di luar rumah, bersukan, bahkan belajar untuk menari. Lapangkan fikiran, dada dan otot-otot anda.

- b. Meluangkan masa untuk bersama-sama **suami atau isteri**. Contohnya keluar bersama-sama, pergi bercuti bersama-sama. Ini akan memupuk hubungan antara anda dengan pasangan anda, dan merasakan kemesraan seperti baru berkahwin dahulu.
- c. Meluangkan masa untuk **anak-anak** (atau sahabat handai dan saudara mara jika anda tidak mempunyai anak). Contohnya melakukan perkara yang biasa dilakukan bersama tetapi istimewa bagi setiap orang anak. Mereka memerlukan kasih anda sama seperti seorang anak yang kurang sihat.
- d. Meluangkan masa bersama-sama **Tuhan** yang menanti anda setiap hari.



“Dengarlah! Aku berdiri di depan pintu dan mengetuk. Jika seseorang mendengar suara-Ku dan membuka pintu, Aku akan masuk ke dalam rumahnya lalu makan bersama-sama dia dan dia makan bersama-sama Aku.”


(Wahyu 3:20)

Budaya Timur Tengah tidak banyak bezanya dengan budaya orang Asia. Apabila Yesus berkata demikian kepada pengikut-pengikut-Nya, maksudnya Dia menganggap mereka sebagai kawan dan akan masuk untuk makan bersama-sama dengan mereka... dan akan berbual-bual dengan mereka semasa di meja makan. Jika kita melakukan itu untuk Yesus, kita akan

mempunyai seorang Kawan yang setia sepanjang masa... ketika gembira atau sedih, senang atau susah...Dia akan datang mencari kita, untuk membantu kita, menghibur kita dan berdiri di samping kita.


Untuk meluangkan masa bagi membuat perkara-perkara di atas, kita perlu **membuat perancangan** seperti mengetepikan masa atau hari bagi setiap aktiviti dan berazam untuk melaksanakannya. Terus memegang keazaman itu kecuali sesuatu kecemasan terjadi.

4. Buat **satu senarai semak** untuk mencatatkan pertumbuhan anda sendiri bermula hari ini juga (dan bukannya satu masa dahulu yang ideal, sebelum krisis itu berlaku):
 - a. Apakah hakikat hidup saya? **Catatkan** dalam buku jurnal, cuba jejak kembali sejarah hidup anda seperti yang terdapat dalam bahagian Refleksi.
 - b. Minta Tuhan untuk **menulis semula** sejarah hidup anda, iaitu mentafsir semula sejarah hidup anda yang lalu mengikut cahaya kebenaran-Nya. Ini akan membantu anda melihat dengan mata yang baru tentang apa yang telah terjadi di dalam hidup anda.



"Kamu sudah bermuafakat untuk melakukan kejahatan kepadaku, tetapi Allah mengubah kejahatan itu menjadi kebaikan"
(Kejadian 50:20)


- c. **Terima kurnia pemulihan dan kebenaran** dari Tuhan. Tidak kira sama ada kita orang Kristian atau tidak, masalah dari pancaroba dunia ini akan terus melanda hidup kita. Penyelesaiannya bergantung kepada siapa yang kita cari untuk membantu diri kita. Belajarlah untuk menaruh harapan dan kepercayaan kepada Allah sebagai Tuhan yang Maha Kuasa dan Bapa anda yang baik.
- d. **Nyatakan iman anda** sama seperti yang dilakukan oleh Ayub. Kita boleh belajar dari iman yang ditunjukkan oleh Ayub ketika dia kehilangan segala harta benda, sepuluh orang anak, dan dicemuh oleh isterinya kerana masih mempercayai dan setia kepada Allah. Untuk memburukkan lagi keadaan, seluruh badannya ditumbuhi kudis dari telapak kaki sampai ke mercu kepalanya. Setelah dikutuk oleh teman-temannya yang cuba menolongnya, dia berseru:



"Tetapi aku tahu bahawa di syurga ada Penyelamatku; akhirnya Dia akan datang menolong aku. Walaupun kulitku habis dimakan penyakit, tetapi aku akan melihat Allah selagi aku bertubuh. Aku akan melihat Dia dengan mataku sendiri, dan bagiku Dia tidak menjadi asing lagi."

(Ayub 19:25-27)

Akhirnya, Allah melepaskan Ayub daripada segala keseksannya, memberkati dia dan meminta dia berdoa bagi pihak teman-temannya tadi. Sikap dan tindakan Ayub amat menyerupai sikap Paulus:



5. Jika anda ingin menunjukkan keprihatinan dan memperhatikan para penjaga, tanyalah kepada mereka apakah keperluan mereka yang sebenarnya. Dan usahakan untuk memenuhi keperluan-keperluan mereka itu. Anda harus bersikap tegas (berkeras) dan tabah dalam membantu mereka walaupun kadang-kadang mereka mungkin akan menolak bantuan dari anda. Ingatlah mereka juga memerlukan jaminan bahawa anda benar-benar memang mengambil berat tentang diri mereka!

Shalom!

Refleksi

Perjalanan Hidup Saya

1. Ambil beberapa waktu untuk mengingat kembali hidup anda. Anda mungkin memerlukan masa berbulan-bulan (bahkan bertahun-tahun) untuk pulih daripada kejutan pengalaman pahit dalam hidup anda.
2. Anda dinasihati untuk membuat latihan ini bersama-sama sahabat yang rapat atau seorang kaunselor. Pada setiap peringkat, luahkan segala pengalaman tersebut kepada Tuhan dan minta Dia menyembuhkan segala luka anda.
3. Bersyukurlah kepada-Nya untuk apa yang Dia telah ajarkan kepada anda semasa anda menjejak semula sejarah hidup anda dengan bantuan-Nya.
4. Ampunilah mereka yang telah menyakiti anda sama ada secara sengaja ataupun tidak sengaja. Contohnya kata-kata yang menyakitkan hati oleh saudara mara anda, tuduhan palsu dan fitnah dari teman-teman anda.
5. Mintalah pengampunan dari Tuhan atas segala kesilapan yang anda telah lakukan ke atas orang lain, atau pun jika anda bertanggungjawab dalam menyebabkan penderitaan yang dialami oleh orang lain. Kata-kata dan perbuatan kita mungkin telah menyebabkan seseorang hidup dalam keadaan yang memerlukan secara kronik.

18 Siri Kaunseling Pastoral

6. Tuntutlah pengampunan dari Allah seperti yang tertulis dalam Firman-Nya, *“Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan melakukan apa yang adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan membersihkan kita daripada segala perbuatan yang salah.”* (1 Yohanes 1:9). Jangan biarkan si Iblis mengancam dan menuduh anda lagi. Dia pasti kan mencuba lagi. Bersyukurlah kepada Allah kerana Dia telah menghantar Anak-Nya Yesus Kristus untuk mati di kayu salib bagi menebus diri anda. Dan kerana Yesus telah bangkit mengalahkan kematian, anda juga dapat memperoleh kemenangan!

7. Catatkan:



Peristiwa-peristiwa penting dalam zaman kanak-kanak anda:

LATAR BELAKANG KELUARGA

PENCAPAIAN-PENCAPAIAN YANG SIGNIFIKAN

KEGAGALAN-KEGAGALAN YANG SIGNIFIKAN

PENGHARAPAN & PENERIMAAN

- 2 Peristiwa-peristiwa penting dalam peringkat sebelum anda berkahwin:

CITA-CITA

PENGHARAPAN IDEAL UNTUK HIDUP BERKELUARGA

3 Peristiwa-peristiwa penting dalam peringkat kehidupan berkahwin/berumah tangga:

Kehidupan sebelum bermulanya krisis

Ingat kembali bagaimana krisis itu bermula

Ingat kembali bagaimana pemenuhan tuntutan keperluan khas/istimewa anda mula berpanjangan

8. Setelah anda mengenali pengampunan dan telah diampuni, dan sedang dalam proses menerima pemulihan daripada Tuhan untuk emosi dan mental anda, anda mungkin ingin membinasakan senarai tersebut sebagai satu simbol bahawa anda sekarang melihat kehidupan peribadi dan keluarga anda dari sudut pandang baru yang diberikan oleh Allah.

9. Adalah lebih baik sekiranya anda melakukan semua ini bersama-sama dengan sekumpulan anak-anak Tuhan yang penyayang supaya mereka dapat memberikan dorongan serta mempertanggungjawabkan anda dengan segala keputusan yang anda buat.

10. Akhir sekali, semoga Allah Pencipta langit dan bumi melindungi anda serta memberikan kekuatan dalam perjalanan rohani anda menuju kepada-Nya! Dia sangat senang kerana anda sangat memperhatikan.



“Didiklah orang muda
menurut jalan yang patut baginya,
maka pada masa tuanya pun
dia tidak akan menyimpang
daripada jalan itu”.
(Amsal 22:6)

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan.

Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.